

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 442 - Teori-Teori Personaliti

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Banyak huraian dan penjelasan diberikan mengenai KERISAUAN (anxiety). Pada hemat anda, huraian manakah yang paling sesuai dan cocok bagi masyarakat di Malaysia. Jelaskan huraian yang anda pilih dan berikan hujah-hujah atau justifikasi bagi menyokong pilihan anda.

[20 markah]

2. Pilih TIGA daripada yang berikut dan jelaskan maksudnya:

- [a] Ego - Freud
- [b] Collective Unconscious - Jung
- [c] Creative Self - Adler
- [d] Kendiri Unggul - Rogers
- [e] Sistem Kepercayaan - Ellis

[20 markah]

3. Jika anda mempunyai seorang klien yang mempunyai fobia tertentu, jelaskan langkah-langkah yang akan anda ambil bagi menolong klien anda mengatasi masalah tersebut. Nyatakan jenis fobia yang dihadapi oleh klien anda.

[20 markah]

4. Pilih TIGA daripada teknik-teknik kaunseling yang berikut, dan jelaskan maksudnya.

- | | |
|-----------------------|----------|
| [a] perkaitan bebas | - Freud |
| [b] refleksi | - Rogers |
| [c] kerusi kosong | - Perls |
| [d] kerja rumah | - Ellis |
| [e] analisa perlakuan | - Berne |

[20 markah]

...2/-

- 2 -

5. Anda mempunyai seorang murid yang sering mengganggu pengajaran anda. Setelah menyatakan masalah tingkah laku murid tersebut,uraikan langkah-langkah modifikasi tingkah laku (behaviour modification) yang akan anda usahakan bersamanya.

[20 markah]

6. Apakah helah bela diri? Mengapakah semua orang, normal dan tak normal, mengguna helah bela diri? Beri TIGA contoh helah bela diri.

[20 markah]

7. Dari teori-teori personaliti yang telah anda pelajari, teori manakah, pada hemat anda, paling tepat huraianya mengenai personaliti? Apakah kekurangan-kekurangan tentang teori yang anda pilih?

[20 markah]

- ooo0ooo -